

NOTA MAKLUMAN
MENGENAI
ADUAN IKAN MATI DI SANGKAR IKAN KG GELUGOR, GAMBANG
PAHANG DARUL MAKMUR
PADA
25 OKTOBER 2025

TUJUAN

Nota Makluman ini bertujuan untuk memaklumkan hasil siasatan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar berkaitan perkara di atas.

LATAR BELAKANG

2. JAS telah menerima aduan kematian ikan dalam sangkar di alur sungai yang masuk ke Sungai Lepar dan seterusnya memasuki Sungai Pahang melalui aplikasi WhatsApp dari pemilik sangkar ikan tersebut pada 25 Oktober 2025.
3. Pengadu memaklumkan, kejadian disedari pada jam 3.00 petang 25 Oktober 2025.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Hasil Siasatan Jabatan Alam Sekitar Pada 26 Oktober 2025

4. Siasatan dijalankan pada 26 Oktober 2025 dan pengadu telah membawa pasukan penyiasat ke sangkar ikannya (3.70067, 102.96883) dan mendapati aduan adalah berasas.
5. Pemeriksaan mendapati terdapat kesan tompokan minyak di sungai tersebut dan terdapat banyak ikan tilapia merah yang mati di dalam sangkar milik pengadu.
6. Ujian in-situ air sungai (di sangkar ikan) dengan menggunakan peralatan YSI mendapati bacaan bagi parameter DO adalah sangat rendah. Hasil ujian secara in-situ adalah seperti berikut:

PARAMETER	BACAN
Suhu °C	26.7
DO %	4
DO mg/L	0.32
pH	5.95
TDS	51
NTU	69.86

7. Pemantauan melalui udara dengan menggunakan dron mendapati terdapat satu (1) punca yang berpotensi dan disyaki mencemar sungai tersebut iaitu Soon Huat Gambang Sdn. Bhd. yang melakukan aktiviti penimbang buah kelapa sawit.

8. Pemeriksaan di ramp timbang mendapati terdapat aliran minyak yang masuk ke kolam takungan dalam tanah dan seterusnya mengalir ke alur air yang terdapat sangkar ikan pengadu.

Tindakan Jabatan Alam Sekitar

9. Sebanyak sepuluh (10) sampel telah diambil untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia iaitu lima (5) sampel air sungai di kawasan sangkar ternakan ikan dan lima (5) sampel di alur air kawasan premis Soon Huat Gambang Sdn. Bhd.

10. Arahan di Lapangan (Field Citation) telah dikeluarkan terhadap premis supaya menutup serta merta alur air yang menghubungkan antara kolam takungan dan Sungai Lepar.

11. Mengarahkan wakil syarikat untuk hadir ke pejabat bagi siasatan lanjut termasuk rakaman percakapan.

SYOR

12. Syor Notis Arahan untuk tindakan penambahbaikan ke atas kawasan terlibat dan mengemukakan laporan bergambar kepada JAS.


13. Tindakan perundangan di bawah Seksyen 25 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas premis Soon Huat Gambang Sdn. Bhd. jika siasatan membuktikan pencemaran tersebut berpunca dari premis tersebut.

PENUTUP

Dengan hormatnya dipohon mengambil maklum hasil siasatan yang telah dijalankan dan tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh Jabatan Alam Sekitar terhadap kes ini.

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PAHANG

27 OKTOBER 2025



Gambar 1: Kedudukan lokasi premis yang disyaki dan lokasi aduan



Gambar 2: Terdapat tompokan minyak di lokasi aduan



Gambar 3 & 4: Ujian in-situ di kawasan sangkar ikan pengadu



Gambar 5: Sampel air sungai di lokasi ikan mati untuk di analisis oleh Jabatan Kimia Malaysia



Gambar 6: Stesen timbang sawit syarikat Soon Huat Gambang Sdn. Bhd



Gambar 7 & 8: Kesan berminyak di alor air dari stesen timbang



Gambar 9 & 10: Gambar kawasan stesen timbang yang di rakam melalui udara



Gambar 11: Alur air di bahagian hulu (upstream) kawasan stesen timbang dalam keadaan normal